

Malaysia beri sumbangan RM432,000 kepada Bosnia

BH 11 OCT 2000
SARAJEVO, Selasa – Perjumpaan Presiden Bosnia Herzegovina, Alija Izetbegovic dan lawatan ke Masjid Bay adalah antara acara penting lawatan sehari Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sini, esok.

Perdana Menteri yang akan diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, juga melawat Camil Sijaric School, yang dibina semula dengan menggunakan dana sumbangan rakyat Malaysia.

Dr Mahathir juga dijangka menyampaikan lebih mark Jerman 200,000 (RM432,000) kepada Izetbegovic sebagai sebahagian janji Kerajaan Malaysia bagi pembangunan semula Bosnia.

Dr Mahathir juga dijadualkan menyampaikan syarahan di Universiti Sarajevo. Beliau juga akan diwawancara stesen televisyen Bosnia serta akhbar *Ljiljan*, yang menerbitkan buku Perdana Menteri yang diterjemahkan ke bahasa Bosnia. Buku *A New Deal For Asia* dikenali sebagai *A New Deal za Azijn*.

Perdana Menteri Bosnia Herzegovina, Edhem Bicakcic, memberitahu wartawan Malaysia perjumpaan antara Dr Mahathir dengan Izetbegovic adalah pertemuan antara dua kawan lama.

Dia berharap lawatan Dr Mahathir itu akan menggalakkan lebih banyak pelaburan dari Malaysia.

Bosnia Herzegovina mengalu-alukan semua bentuk pelaburan dalam bidang pembangunan infrastruktur dan projek yang boleh menyediakan peluang pekerjaan.

Walaupun purata pertumbuhan Keluaran Negara Kasar dalam tempoh empat tahun lalu kekal pada 21 peratus, negara itu memerlukan lebih banyak kegiatan ekonomi untuk menampung rakyatnya.

“Dr Mahathir mempunyai beberapa pandangan menarik mengenai ekonomi dunia. Kami boleh mempelajari banyak perkara daripada beliau dan pengalaman Malaysia berhadapan krisis ekonomi.

“Pelaburan asing dilindungi di Bosnia Herzegovina. Kami mengharapkan lebih banyak kerjasama ekonomi daripada ahli perniagaan Malaysia,” katanya.

Negara itu juga memerlukan sokongan daripada masyarakat antarabangsa untuk mengatasi masalah pelariannya.

Menteri Pelarian, Suleiman Garib Ada, berkata kira-kira 350,000 rakyat Bosnia yang melarikan diri daripada negara mereka, dan ini menjadi keutamaan kerajaan itu.